

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Sunday, April 16, 2017 11:59 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: RALAT: PPA COLGIS ONLINE : PPA COLGIS SASAR LONJAKAN PROGRAM MOBILITI 2017



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

"MUAFAKAT KEDAH"

16 APRIL 2017 / 19 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

PPA COLGIS SASAR LONJAKAN PROGRAM MOBILITI 2017



PPA COLGIS ONLINE : Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM COLGIS (PPA UUM COLGIS) telah mengadakan satu Taklimat Program Pertukaran Pelajar (Mobiliti) “Jom Ke Luar Negara” pada 11 April 2017 bertempat di DKG 5/4. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Dr. Mohd Na'eim Ajis, Timbalan Dekan PPA UUM COLGIS. Pada sesi taklimat tersebut para pelajar telah diberikan penerangan mengenai proses permohonan program mobiliti di dalam mahupun luar negara serta kelebihan yang disediakan oleh pihak universiti kepada para pelajar yang berminat.

Pada masa yang sama, satu sesi perkongsian pengalaman oleh para pelajar yang pernah mengikuti program mobiliti ke luar negara telah disampaikan oleh Nur Amira Bbd Razak, Nurhanani Raja Mohd Noor, Siti Nur Suhaila Abd Wahab dan Aqila Mohamad Lasim pelajar dari Program Pengurusan Perniagaan Antarabangsa (BIBM) yang mengikuti program pertukaran pelajar ke Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS). Seramai 19 orang pelajar yang telah mengikuti program mobiliti pada semester lepas iaitu A161. Taklimat tersebut turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Rusdi Omar, Dekan PPA UUM COLGIS, Encik Asrar Omar dan Encik Muhammad Hafiz Badruzaman, Penyelaras Praktikum PPA UUM COLGIS.

PPA UUM COLGIS mengharapkan agar sesi perkongsian ini dapat dimanfaatkan oleh para pelajar dan meningkatkan keyakinan serta memberikan inspirasi untuk mereka menyertainya di masa akan datang seterusnya melonjakkan bilangan pelajar program mobiliti 2017. Taklimat berakhir pada jam 5 petang.

Sekian, terima kasih.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS | Twitter :

PPA_COLGIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.